

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 9

BANDAR BRUNEI, RABU, 4 MAY, 1960 (8 Zulkaedah, 1379)

PERCHUMA

LANTEKAN AHLI2 MAJLIS PEMANGKU RAJA

BANDAR BRUNEI. — Tujuh orang ahli Majlis Meshuarat Diraja telah di-ishtiharkan menjadi ahli Majlis Pemangku Raja untuk menjalankan tugas Sultan sa-masa Duli Yang Maha Mulia tidak bersemayam di-dalam negeri.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Kuala Lumpur pada 23 April lepas kerana berchuti di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama dua bulan.

Ahli2 Majlis Pemangku Raja itu ia-lah:-

1. Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim.

2. Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam.

3. Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh.

4. Yang Amat Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim.

5. Yang di-muliakan lagi dihormati Pehin Orang Kaya Diga-dong Haji Mohamed Yusof.

6. Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun.

7. Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Lantekan ahli2 Majlis Pemangku Raja itu telah di-buat di-bawah cherain 13(1) dalam Pemashhuran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja, 1959.

Dalam pada itu ada-lah di-beritakan dari Kuala Lumpur bahawa Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri bersama rombongan Diraja telah selamat sampai di-ibu kota Persekutuan Tanah Melayu pada 26 April lepas.

Berita2 itu mengatakan bahawa baginda berdua telah di-sambut di-perhentian kereta api Kuala Lumpur oleh Pemangku Raja Selangor, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan beberapa orang ahli Jemaah Menteri Persekutuan.

Sir Geofroy Tory, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Persekutuan yang baharu2 ini melawat ka-Brunei telah juga datang ka-perhentian kereta api mengalu2kan baginda.

Rombongan Diraja yang terdiri dari 50 orang lebih kurang itu mengandongi Yang Teramat Mu-

Pengiran Muda Mohammed Bolkiah.

Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri di-jangka akan berangkat balek ka-Brunei sa-telah berchuti sa-lama dua bulan di-Persekutuan.

Tetapi Duli Pengiran Muda dan Pengiran Muda Mohamed Bolkiah akan tinggal di-Kuala Lumpur kerana melanjutkan pelajaran di-sabua sekolah.

lia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan Yang Teramat Mulia



Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan putera2 dan puteri2 Diraja di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kerana berchuti sa-lama dua bulan bersama Duli Yang Maha Mulia.

ROMBONGAN X-RAY PEREKSA 500 PENDUDOK KAMPONG

BANDAR BRUNEI. — Hampir 500 orang penduduk Kampung Ayer telah di-Xray oleh satu rombongan perubatan dalam gerakan Xray yang di-jalankan dari 22 sampai 25 April lepas kerana menchegeh penyakit batok kering.

Gambar2 Xray itu sedang di-pereksa di-Jabatan Dada Pejabat Perubatan Negeri Brunei sa-belum tindakan merawat dan me-

ngubati orang2 yang didapati menghidap penyakit itu di-jalankan.

Sa-orang juruchakap Pejabat Perubatan berkata bahawa gerakan itu akan di-teruskan sa-baik sahaja pepereksaan itu selesai.

Ini ia-lah untuk memberi peluang kepada semua penduduk Kampung Ayer di-Xray dan kemudian di-beri ubat dan di-rawat jika didapati menghidap penyakit batok kering.

Gerakan menchegeh batok kering dinegeri ini telah berjalan lebih dari dua tahun.

Orang2 yang di-dapati menghidap penyakit batok kering itu telah di-ubati dan di-rawat. Kebanyakan-nya telah sembuh atau tidak berjangkit lagi penyakit-nya.

2 "iron lung" dari Malaya

BANDAR BRUNEI. — Dua "iron lung" telah di-terbangkan ka-sini dari Persekutuan Tanah Melayu pada hari Sabtu dengan permintaan Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff.

Iron lung itu, sabua besar dan sa-buah kecil, akan di-gunakan di-rumah sakit untuk membantu orang2 yang di-serang oleh penyakit2 yang melemahkan tenaga bernafas.

Ra'ayat ucapkan selamat belajar

TUTONG. — Penduduk2 Tutong telah mengadakan satu majlis kerana mengucapkan selamat belajar kepada putera2 sulong Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri di-sekolah Melayu Muda Hashim di-sini pada 20 April lepas.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanah Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohammed Bolkiah bersama enam orang rakan telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 23 April untuk memasuki sabua sekolah di-Kuala Lumpur.

Putera2 Diraja itu telah santap teh bersama hampir 200 orang dhafid dalam majlis tersebut.

Majlis perpisahan telah juga di-adakan di-Civic Centre, Bandar Brunei pada petang 19 April atas nama Menteri2 Duli Yang Maha Mulia.

Hampir 400 orang telah di-jemput dalam majlis makan kecil yang telah di-sembahkan oleh menteri2 tersebut.

Doa selamat telah di-bacha di-kedua2 majlis yang telah di-adakan sa-chara berasingan itu.

IBU PEJABAT POLIS BELAIT

SERIA. — Ibu Pejabat Polis Daerah Belait sekarang di-tempatkan di-Panaga di-sabua bangunan baharu dekat bangunan Commassariat di-Seria.

Sa-lain dari ibu pejabat, bangunan baharu itu mengandongi Balai Polis Panaga dan Pejabat Polis Persekutuan Tanah Melayu.

Nombor2 talipon ada-lah sa-perti berikut:

Ibu Pejabat 2992, 2856 dan 2857; Balai Polis Panaga, 2856 dan 2857, Polis Persekutuan, 2992, 2856 dan 2857.

Pekerti kechergasan perlu ada pada guru2

BANDAR BRUNEI. — Guru2 Melayu Brunei telah di-seru supaya menjalankan tugas dengan budi pekerti dan kechergasan untuk mencapai kemajuan.

Mereka itu telah juga di-ingatkan supaya belajar dengan tiada had sa-lama hidup-nya jika hendak berjaya dalam lapangan perguruan.

Seruan dan nasihat ini telah dibuat oleh Inche S.M. Zainal Abidin, sa-orang bekas pengetua sekolah menengah di-Persekutuan Tanah Melayu dalam cheramahnya di-dewan sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-sini baharu2 ini.

Lebih 80 orang guru, laki2 dan perempuan telah hadir dalam

majlis cheramah itu.

Cheramah yang berkisar di-sakeliling kewajipan guru dan chara2 mengajar itu telah menegaskan bahawa guru2 yang tidak berhenti belajar itu-lah yang akan berjaya.

Inche Zainal Abidin berkata:

"Dalam menjalankan kerja guru, sa-orang guru wajib mem-

punyai faktor penting ia-itu budi pekerti dan kechergasan. Ada kechergasan tetapi tidak mempunyai budi pekerti ada-lah tidak lengkap untuk menjadi sa-orang guru sa-jati."

Membicarakan tentang chara2 mengajar sekarang ini, Inche Zainal Abidin menegaskan bahawa guru mesti-lah mengajar mengikut chara berfikir orang sekarang ini ia-itu sesuai dengan keadaan masa dan kemajuan-nya.

"Jangan-lah chara mengajar 100 tahun dahulu kita pakai sekarang," kata beliau.

Berdasarkan pada pengalaman sa-lama menjadi guru, Inche Zainal Abidin menegaskan bahawa tiap2 sa-orang guru hendaklah mempunyai tata tertib berhubungan dengan menjalankan pekerjaan-nya.

Guru2 itu hendak-lah juga bekerjasama dengan orang2 kampung tempat mereka bekerja supaya kerja2 berjalan dengan kemas dan teratur.

"Dari kerjasama yang seperti itu perasaan muhibbah antara guru dengan orang2 kampung akan berkekalan sa-lama2-nya," kata Inche Zainal Abidin.

Inche Zainal Abidin mengakhiri cheramah-nya:

"Dalam mencapai kemajuan guru hendak-lah belajar dengan tidak ada had sa-lama hidup-nya. Guru yang demikian ia-lah guru yang akan berjaya."

TUAN WHITE MERAIKAN PENGAKAP BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Ketua pengakap Negeri Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White telah meraikan pengakap2 dari seluruh negeri di-rumah Pesuroh Jaya Tinggi British di-sini dalam minggu lepas.

Pengakap2 itu telah mengadakan berbagai2 permainan dikawasan rumah.

Mereka telah bernang dalam kolam bernang Pesuroh Jaya Tinggi.

Hadiah2 kerana kejayaan dalam permainan telah disampaikan oleh Tuan White.

Dalam temasha itu Tuan White telah mengambil kesempatan menyampaikan tauliah kepada Pesuroh Jaya Pengakap Brunei, Tuan Howe Soo Beng.

Harga dagangan

BANDAR BRUNEI. — Harga dagangan bagi minggu ini telah di-tetapkan seperti berikut:

Lada puteh \$269.26 sa-pikul
Lada hitam \$185.17 sa-pikul
Buah kawang \$ 47.09 sa-pikul
Harga getah ia-lah \$1.31 tiga perlatan sen sa-paun.

PENUBOHAN PERSATUAN TINJU DI-LAKUKAN DALAM BULAN INI

BANDAR BRUNEI. — Dalam keluaran yang sudah sedikit undang2 tentang penubohan persatuan tinju amateur Brunei telah di-muatkan. Di-bawah ini ia-lah sedikit lagi dari undang2 tersebut.

Persatuan itu di-jangka akan mengadakan meshuarat penubohan-nya sa-baik sahaja Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha balek dari Persekutuan Tanah Melayu dalam minggu hadapan.

1. Hanya amateur2 sa-bagai yang di-tetapkan di-bawah ini sahaja akan layak bertanding, membantu atau bertugas menjadi hakim atau pengadil.

Sa-orang amateur ia-lah orang yang tidak pernah bertanding kerana wang, tikaman atau pertarahan wang, yang tidak bertanding bersama atau dengan profesional kerana sa-barang hadiah

Sa-orang amateur ia-lah orang yang tidak pernah bertanding bersama atau dengan profesional kerana sa-barang hadiah (kecuali dengan kebenaran istimewa daripada sa-barang persatuan tinju yang sah yang telah bergabung dengan A.I.B.A. (Persatuan Tinju Internasional). Orang itu tidak pernah mengajar, mengendalikan atau menyertai keperluan tinju sa-bagai mata pencharian.

Sa-barang orang yang meneri-

ma wang sa-chara langsung atau tidak langsung kerana bertugas sa-bagai pegawai akan hilang taraf amateur-nya.

2. Tiap2 orang yang bertanding itu hendak-lah memenohi borang seperti yang di-adakan pada tambahan "A" yang di-tanda tangan atau di-sahkan tanda tangan-nya sa-bagaimana yang dikehendaki, oleh bapa atau penjaga-nya bagi pehak orang dalam bahagian junior (berumur 16 tahun dan kurang dari itu).

3. Persatuan ini akan di-kuasai oleh satu jawatan kuasa yang terdiri dari sa-orang Presiden dua orang Naib Presiden, sa-orang Setiausaha Kehormat, sa-orang Penyimpan Wang Kehormat, sa-orang Oditor, 7 orang ahli jawatan kuasa. Jawatan kuasa ini akan di-pilih dalam meshuarat agong tahunan.

Jawatan kuasa ini akan mempunyai kuasa memilih dari anggotanya sa-barang jawatan kuasa kerja kecil yang di-fikirkan mustahak.

Pemuda Melayu di-hukum kerana kesalahan melanggar budak

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pemuda Melayu berumur 17 tahun telah denda \$60 dan tidak di-benarkan menunggang motosikal sa-tahun oleh Magistrate Tuan R.G.P.N. Combe kerana kesalahan :

1. Menunggang motosikal dengan tidak kebenaran daripada tuan punya motosikal.
2. Melanggar sa-orang budak.
3. Menunggang dengan tidak berleser, dan

4. Tidak mempunyai insurance pehak ketiga.

Tuan Combe berkata jika budak itu telah chedera parah ia sudah tentu akan menjatuhkan hukuman yang lebih berat dari itu.

Keputusan tennis

BANDAR BRUNEI. — Dalam pertandingan tennis kerana kejohanan negeri yang di-adakan di-sini pada hari Ahad lepas G.H. Vaughan telah mengalahkan T.K. Das.

Dalam bahagian double Vaughan dan Dr. R.C. Lemon telah mengalahkan Das dan V.K. Nair.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Che Yan, isteri Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Umar, Setia Usaha Kerajaan, sa-lepas perlawanan di-tamatkan pada petang itu.



Lebih 80 orang guru, laki2 dan perempuan telah hadir dalam majlis cheramah Inche S. M. Zainal Abidin, bekas pengetua sa-buah sekolah menengah di-Malaya yang di-adakan di-dewan sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah baharu2 ini.

RENGKASAN PERKHIDMATAN AHLI2 MAJLIS PEMANGKU RAJA

AHLI2 Majlis Pemangku Raja yang terdiri dari wazir2, menteri2 dan ahli2 majlis2 meshuarat yang telah dilantik menjalankan kewajipan2 Sultan sa-lama Duli Yang Maha Mulia berchuti di-Persekutuan Tanah Melayu semua-nya telah memberi perkhidmatan yang gemilang kepada negara.

Di-bawah ini di-peturunkan serba sedikit chatatan perkhidmatan mereka itu.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim ibni Almerhum Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, berumur 52 tahun telah di-angkat menjadi Duli Pengiran Bendahara pada 24 August, 1952.

Duli Pengiran Bendahara ia-lah sa-orang ahli Majlis Meshuarat Diraja, Majlis Meshuarat Kerajaan dan Majlis Meshuarat Negeri.

Yang Teramat Mulia itu ia-lah Pemangku Raja yang kanan bila2 Duli Yang Maha Mulia berada di-luar negeri.

* * * *

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam ibni Almerhum Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, ia-lah adinda kapada Duli Pengiran Bendahara.

Yang Teramat Mulia itu ia-lah wazir yang kedua Negeri Brunei dan juga ketua Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat.

Sa-belum di-angkat menjadi Duli Pengiran Pemancha, Yang Teramat Mulia itu telah berkhidmat di-beberapa buah pejabat kerajaan di-Brunei.

Duli Pengiran Pemancha telah mengiringi Duli Yang Maha Mulia menunaikan fardhu haji pada tahun 1951, ia-itu tidak beberapa lama sa-lepas kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia.

Duli Pengiran Pemancha ia-lah juga sa-orang ahli dalam rombongan yang mengiringi Duli Yang Maha Mulia ka-London pada tahun lepas untuk mengadakan perundingan berkenaan dengan perlembagaan yang bertulis Negeri Brunei.

Yang Teramat Mulia itu ia-lah ahli Majlis2 Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri.

* * * *

Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh berumur 70 tahun dan telah di-angkat menjadi Pengiran Shahbandar pada 12 August, 1958.

Jawatan Pengiran Shahbandar dalam perkhidmatan kerajaan ia-lah Kadhi Besar Negeri Brunei. Jawatan ini telah di-sandang-nya samanjak 1 January, 1940.

Pengiran Shahbandar ia-lah juga Penasihat Ugama Negeri Brunei.

Pada masa Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-luar negeri, Pengiran Shahbandar pernah dilantik menjadi Pemangku Raja.

Yang Amat Mulia itu ia-lah ahli Majlis Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei.

* * * *

Yang Amat Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed



Duli Pengiran Bendahara

Jahfar ia-lah Menteri Besar Brunei yang pertama di-lantik di-bawah perlembagaan.

Beliau telah di-lantik -megang jawatan tersebut pada 29 September tahun lepas sa-telah

Duli Yang Maha Mulia mengumumkan Perlembagaan Brunei Tahun 1959.

Terlebih dahulu Dato Paduka Haji Ibrahim telah menjadi Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia dan memegang berbagai2 jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan.

Beliau telah berangkat ka-Mekah menunaikan fardhu haji mengiringi Duli Yang Maha Mulia pada tahun 1951.

Dato Paduka Haji Ibrahim ia-lah sa-orang daripada ahli2 rombongan Duli Yang Maha Mulia dalam perundingan perlembagaan Negeri Brunei di-London pada tahun 1959.

Sa-bagai Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Dato Paduka Haji Ibrahim telah mengiringi Baginda beberapa kali ka-luar negeri.

* * * *

Yang Di-hormati lagi di-mulia-kan Pehin Orang Kaya di-Gadong Haji Mohamed Yusof bin Jawatan Dalam Haji Mohamed Hussin di-lahirkan di-Brunei 62 tahun dahulu dan telah menjadi Orang Kaya di-Gadong samanjak tahun 1941.

Terlebih dahulu beliau di-gelar Pehin Jawatan Dalam samanjak 23 March, 1938.

Pehin Orang Kaya di-Gadong ia-lah sa-orang dari pembesar2

Negeri Brunei yang mengiringi Duli Yang Maha Mulia ka-Mekah pada tahun 1951.

Beliau ia-lah juga bekas ahli Majlis Perbandaran Brunei.

* * * *

Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun telah di-lahirkan di-Brunei dalam tahun 1913.

Sa-telah lulus pengajian di-Sekolah Melayu di-Bandar Brunei, beliau telah melanjutkan pelajaran di-Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, Malaya.

Inche Marsal ia-lah Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei dan telah mula memegang jawatan itu dalam tahun 1934.

Beliau ia-lah juga salah sa-orang dari pembesar2 yang telah mengambil bahagian dalam perundingan dengan Kerajaan British berkenaan dengan Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959.

Yang Berhormat Inche Marsal ia-lah ahli Majlis2 Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei.

* * * *

Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud di-lahirkan di-Brunei dalam tahun 1917 dan telah mendapat pelajaran di-Sekolah Melayu, Bandar Brunei dan Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, Persekutuan Tanah Melayu.

Pengiran Ali ia-lah sa-orang nazir Sekolah2 Melayu, Brunei. Terlebih dahulu beliau telah mem-

(Lihat Muka 6)



Dari kiri : Duli Pengiran Pemancha, Pengiran Shahbandar dan Dato Paduka Haji Ibrahim.



Dari kiri : Orang Kaya Digadong, Inche Marsal bin Maun dan Pengiran Ali.

Laporan hari kedua persidangan Majlis Meshuarat Negeri

AHLI2 BERBAHATH MENGIKUT DASAR PIMPINAN BERSAMA

Hari kedua persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang di-adakan di-Lapau Diraja di-Bandar Brunei pada 19 April lepas telah di-langsungkan dengan meluluskan tiga rang undang2 dan empat usul.

Pada keseluruhan-nya ahli2 majlis sama ada yang berjawatan, yang rasmi, yang di-pilih atau yang di-lantek telah berbahath dalam suasana saling mengerti menjalankan tugas atas dasar pimpinan bersama untuk kebaikan negara.

Tetapi perbahathan yang agak hangat sadikit telah berlaku dalam membincangkan usul terhadap penarekan balek dermasiswa yang telah di-kurniakan kepada sa-orang penuntut Brunei di-England.

POKOK PERBAHATHAN

Penuntut itu, Jaya bin Abdul Latif, telah meninggalkan sekolah-nya, Woodchester Park School dengan tidak mendapat kebenaran pihak yang berkuasa terlebih dahulu.

Pokok perbahathan telah berkisar atas sama ada Jaya telah melanggar perjanjian pemberian dermasiswa atau kerajaan telah menarek balek dermasiswa itu dengan tidak mengadakan satu penyiasatan yang lebih lanjut terlebih dahulu.

Jaya telah di-hantar ka-Woodchester Park atas perbelanjaan kerajaan tetapi di-katakan telah lari dari sekolah itu dan memasoki sa-buah sekolah lain dengan perbelanjaan-nya sendiri.

Dengan alasan bahawa Jaya telah melanggar syarat2 kurnian dermasiswa menuntut di-Woodchester Park School, kerajaan telah memberhentikan kurnian dermasiswa kapada-nya.

TIDAK ADIL

Penarekan balek dermasiswa itu ada-lah di-anggap oleh sa-tengah2 ahli majlis sa-bagai sa-tu langkah yang telah di-ambil dengan tidak mengadakan penyiasatan dan yang demikian di-sifatkan tidak adil.

Untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terang daripada pihak kerajaan Inche Hashim bin Tahir, sa-orang ahli yang di-pilih telah mengemukakan usul supaya kerajaan meneruskan sa-mula dermasiswa Jaya.

Usul itu telah di-luluskan pada dasar-nya sa-telah di-pinda oleh Inche Marsal bin Maun, sa-orang ahli yang di-pilih juga.

Pindaan itu berbunyi :

"Majlis Meshuarat ini meluluskan bahawa dermasiswa Jaya bin Abdul Latif yang telah ditarek balek oleh kerajaan itu

hendak-lah kerajaan menjalankan penyiasatan-nya."

Jaya telah mendapat pelajaran atas perbelanjaan kerajaan di-Singapura dan telah masok berkhidmat dengan Radio Brunei pada awal tahun 1958 sebelum di-hantar ka-England untuk melanjutkan pelajaran-nya. **SEMBILAN PENUNTUT**

Jaya ia-lah di-antara 9 orang penuntut Brunei yang belajar di-Woodchester Park School dengan perbelanjaan kerajaan.

Inche Hashim berkata : "Menurut beberapa laporan yang saya terima dari penuntut2 yang belajar di-sekolah itu bahawa keadaan sekolah itu tidak sesuai dengan mereka disana.

"Jaya ada-lah sa-orang yang

rek dermasiswa-nya.

"Jaya telah meninggalkan sekolah kerana tidak bersetuju dengan sekolah itu."

Bantahan atas usul itu telah di-kuatkan lagi oleh Pegawai Pelajaran, Inche Idris bin Babji :

"Sa-kira-nya tindakan itu ditarek balek, bermaana kerajaan tidak mempunyai tata tertib. Sa-orang yang melanggar undang2 tidak patut di-beri layanan."

Inche Idris berpendapat bahawa sama ada Jaya baik atau tidak, tidak menjadi soal. Kesalahan-nya ia-lah melanggar perjanjian.

Inche Shahbudin bin Salleh pula telah menyokong usul



Duli Yang Maha Mulia di-kerumuni oleh ra'ayat baginda di-lapangan terbang Berakas sa-belum menaiki kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu kerana berchuti sa-lama dua bulan.

baik persekolahan-nya sejak tahun 1950 hingga tahun 1958.

Inche Hashim menyatakan betapa rugi-nya kerajaan dari segi wang dan penuntut dengan mengambil tindakan terhadap Jaya.

Mengakhiri hujjah2-nya Inche Hashim berkata : "Kerana tiada persesuaian dengan guru dan tempat mereka belajar itu maka Jaya telah menulis 7 puchok surat kapada Pejabat Tanah Jajahan di-London dan 4 puchok kapada kerajaan.

"Tetapi semua-nya surat2 itu tidak memberi bekas."

Usul yang di-kemukakan oleh Inche Hashim itu telah dibantah keras oleh Setia Usaha Kerajaan, Inche Wan Ahmad bin Umar.

LANGGAR PERJANJIAN

Inche Wan Ahmad berkata :

"Dermasiswa hanya di-beri kapada orang yang berhak menerimanya, dan siapa yang melanggar perjanjian pasti di-ta-

pehak sahaja," kata Inche Jamil.

Inche Jamil telah di-sokong oleh Tuan Haji Ghazali dan Pehin Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor.

Dalam perbincangan yang menjadi hangat itu, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud telah bangun membantah keras usul itu dan menyokong hujjah2 dari Pegawai Pelajaran Negara supaya usul itu di-tolak.

Tetapi Pengiran Yusof telah menyokong usul dan menyatakan dukachita-nya atas tindakan yang di-lakukan oleh Pejabat Tanah Jajahan pada hal Jaya sudah memohonkan pindah dari sekolah-nya itu ka-sekolah yang sesuai dengan-nya.

SUDAH SA-TAHUN

"Perkara ini tidak mendapat apa2 keputusan dari kerajaan walau pun permohonan itu sudah sa-tahun lama-nya.

"Satu bakti yang benar2 menyatakan bahawa Jaya mahu belajar ia-lah Jaya telah pindah ka-sekolah lain dengan perbelanjaan-nya sendiri," kata Pengiran Yusof.

Pada peringkat ini Inche Marsal bin Maun pun bangun menyatakan bahawa ia tidak bersetuju dengan usul itu dan menghendaki pindaan.

Pindaan itu telah di-sokong oleh Pengiran Haji Abu Bakar dan telah di-terima oleh majlis.

"Chara2 penyiasatan terpu-lang-lah kapada kerajaan," kata Inche Marsal menjawab tegoran2 daripada Pengiran Yusof dan Inche Abdul Manan.

Berikutan dengan penerimaan usul itu Peguam Negara telah menerangkan bahawa kerajaan sudah pun menyuruh Jaya balek ka-sekolah-nya, tetapi Jaya tidak mahu dan menolak.

LAIN2 USUL

Keterangan itu telah di-tolak oleh Inche Hashim. Beliau berpendapat bahawa Jaya tidak pernah mendapat tawaran yang demikian.

Lain2 usul yang telah di-luluskan pada hari persidangan di-langsungkan ia-lah :

◆ "Majlis meshuarat ini mengambil keputusan supaya kerajaan di-minta dan mengalakkan, orang2 peranakan tempatan supaya di-ambil bekerja dalam perkhidmatan2 awam dan di-dalam sharikat2 perniagaan di-Brunei dengan jalan mengadakan latehan2 khas," di-kemukakan oleh Inche Shahbudin bin Salleh, ahli yang di-pilih.

◆ Majlis meshuarat ini meluluskan satu kuasa melantek (Lihat Muka 7)

Pegawai2 Malaya dan Brunei sama chita2-nya

BANDAR BRUNEI.—Peguam Negara, Yang Berhormat Inche Ali bin Hassan telah memberi akuan bahawa pegawai2 kerajaan yang di-pinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kepada Kerajaan Brunei akan menarek diri sa-baik sahaja pegawai2 tempatan layak memegang jawatan2 mereka.

Ini telah di-tegaskan dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada hari kedua persidangan majlis tersebut di-Lapau Diraja di-sini pada 19 April lepas.

Akuan itu di-beri berikutan dengan usul Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Umar bahawa Tuan Speaker menyebarkan ucapan terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia kerana titah baginda pada hari pembukaan persidangan.

Ucapan itu mengandungi titah supaya "pegawai2 yang baharu tiba di-negeri ini di-beri masa guntok mensesuaian diri mereka

dengan keadaan2 negeri."

Inche Ali berkata :

"Sa-benar-nya bukan-lah kita tidak mahu berchampur gaul dengan orang2 Brunei, hanya kita khuatir kalau2 melanggar adat istiadat orang2 Brunei yang maseh banyak belum kita ketahui".

Inche Ali juga telah memberi pengakuan bahawa beliau berjanji pada sa-tiap masa akan bekerja bersungguh2 dan akan bersedia memberi apa2 jawatan untuk orang2 Brunei kalau ada yang sudah berkelayakan.

Beliau menegaskan tentang azam orang2 Malaya di-Brunei dengan berkata: "Kita tidak mahu berpura2 menunjukkan bahawa kita bijak dalam pekerjaan2 kita, tetapi kita datang ka-sini ada-lah berzam untuk membuat sa-suatu pekerjaan mengikut chara2 yang di-jalankan di Persekutuan Tanah Melayu.

"Kita tidaklah pandai sabagai pegawai expatriate Eropa tetapi kita ada keistimewaan dari orang2 Eropa ia-itu kita ada-lah orang2 Melayu yang mempunyai "semangat kebangsaan" yang sama, tentu-lah faham akan chita2 anak2 Negeri Brunei dan lebeh memandang berat akan segala kesulitan2 mereka."

Membuat ulasan-nya berbubong keritik2 dalam surat2 khabar tempatan mengenai pegawai2 dari Persekutuan Tanah Melayu di-Brunei maka sudah sa-pantas-nya beliau memberi penerangan; ujar-nya.

"Keritik2 yang demikian ini memang selalu berlaku baik di-mana pun dalam negeri yang mengamalkan domokrasi. Tetapi hendak-nya keritik2 itu biar-lah sehat". kata Inche' Ali.

Kunjongan pegawai

BANDAR BRUNEI. — Tuan W.J. Olberg dari Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat di-Singapura telah singgah di-Bandar Brunei dalam minggu lepas dalam perjalanan-nya balek dari lawatan ka-Borneo Utara.

Langkah2 untuk menjauhi dari serangan penyakit lumpoh

BANDAR BRUNEI. — Penyakit lumpoh telah menyerang 30 orang kanak2 di-seluruh negeri dalam masa tujuh minggu yang baharu lalu ini, kata Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab bin Ariff.

Jumlah ini termasuk 11 orang kanak2 di-kawasan Belait Seria yang di-beritakan telah di-serang oleh penyakit itu dalam bulan March.

Sa-takat ini belum ada kanak2 yang telah mati oleh sebab penyakit itu.

Penyakit lumpoh yang kadang2 wabak di-negeri ini ada-lah dari jenis yang tidak berapa merbahaya.

BANK DARAH MUNGKIN DI-ADAKAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. —

Dua bank darah mungkin di-adakan di-negeri ini untuk menjamin bekalan darah bagi orang2 sakit yang memerlukan darah pada masa pembelahan di-jalankan ka-atas mereka.

Rancangan hendak mengadakan bank darah itu berikutan dengan kejadian chemas di-rumah sakit Kuala Belait baharu2 ini apabila pehak rumah sakit merayu kepada orang awam supaya datang mendermakan darah untuk menyelamatkan nyawa sa-orang ibu bangsa China.

Pegawai Perubatan Negara, Dr. Abdul Wahab berkata bahawa sa-buah bank akan di-adakan di-Bandar Brunei dan sa-buah lagi di-Kuala Belait.

Beberapa orang di-negeri ini sudah pun bersetuju mendermakan darah bila2 di-kehendaki.



Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei Yang Terutama Tuan D.C. White membalas tabek kehormatan perbarisan polis yang di-adakan dalam istiadat pembukaan Majlis Meshuarat Negeri di-Lapau Diraja pada 18 April.

Badan bebas untuk menguasai bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei akan membentok sa-buah badan bebas untuk menguasai pemakaian bahasa Melayu yang telah di-jadikan bahasa rasmi di-negeri ini supaya sesuai dengan kehendak perlembagaan.

Pegawai2 kerajaan akan di-galakkan menggunakan bahasa Melayu dan undang2 mungkin di-buat supaya allowance dapat di-bayar kepada mereka yang maher dalam bahasa Melayu.

Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang pada 18 April lepas telah meluluskan satu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Md. Daud supaya :

"Majlis meshuarat ini membuat ketetapan untuk melantek sa-buah badan yang bebas dan bertanggung jawab kepada kera-

jaan untuk memeriksa perkara2 berhubung dengan perkembangan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi.

Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche' Idris bin Babji menerangkan bahawa badan seperti yang di-chadangkan itu ada-lah sangat mustahak untuk mengembangkan bahasa Melayu dengan terator.

"Sa-kira-nya Brunei tidak mempunyai sa-buah badan seperti itu sudah tentu chita2 hendak meletakkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal

dalam ertikata yang sa-benar2-nya akan mengambil masa yang lama," kata beliau.

Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Wan Umar ketika menyokong usul itu berkata :—

"Satengah2 ketua pejabat tidak maher dalam bahasa Melayu. Ini-lah yang menyulitkan usaha melaksanakan pemakaian bahasa Melayu itu."

Inche Wan Ahmad sa-terusnya membayangkan bahawa kerajaan mungkin mengadakan darjah kerana mempelajari bahasa Melayu dan allowance akan di-beri kepada kaki tangan kerajaan yang maher dalam bahasa Melayu.

Kanak2 itu telah di-rawat. Salain dari yang telah semboh semua-nya ada-lah makin beransor baik keadaan-nya.

Untuk menjauhi penyakit itu Dr. Abdul Wahab menasihatkan:

◆ Jangan di-bawa kanak2 ka-tempat2 yang ramai orang berhimpun, seperti panggong wayang, kolam bernang, majlis2 perhimpunan dan lain2.

◆ Bunuh segala lalat.

◆ Jaga kebersihan makanan dari di-hinggapi oleh lalat.

◆ Jangan biarkan kanak2 bermain sa-hingga mereka leteh le- su, dan

◆ Tanggohkan pembelahan2 yang di-tentukan.

MENTERI BESAR KA-JESSELTON

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim, Menteri Besar, telah berlepas bersama Datin dan keluarga-nya dengan kapal ka-Borneo Utara pada pagi Jumaat lepas.

Dato Paduka akan melawat beberapa tempat di-Borneo Utara sa-belum balek ka-Brunei dalam minggu ini.

Lawatan itu di-adakan sa-chara tidak rasmi.

"RATU KEBAYA" MENGUTAMAKAN URUSAN RUMAH

KUALA BELAIT. — Pemilihan para hakim ka-atas Naemah binti Yusuf sa-orang gadis Bandar Brunei yang melagakkan pakaian sarong batik dan baju kebaya menjadi "Ratu segala Ratu" dalam peraduan pakaian tahun 1960 di-Kuala Belait baharu2 ini sudah kena pada tempat-nya.

Pakaian yang di-gemari oleh wanita Melayu itu sudah di-pantunkan dan musik-nya yang kini menjadi kesukaan ramai pula telah di-gubah dari seni-kata:

Pakai kebaya sarong-nya batik,
Membikin nona menjadi chantek.....

Memang banyak yang lawa
nona2 yang ada,

Yang sudah tentu nombor
satu —

Yang pakai kebaya!

Sabelum itu Naemah telah dipilih menjadi "Ratu Kebaya" dalam peraduan di-antara berpu loh2 orang wanita dari berbagai2 bangsa, semua-nya memakai baju kebaya dan sarong batik yang mengambil bahagian dalam peraduan kerana merestikan gelaran "Ratu Kebaya" itu.

Sa-lepas itu para hakim telah memilih Naemah menjadi Ratu segala Ratu di-antara "Ratu Kebaya", "Ratu Cheongsam" dan "Ratu Tahun Baharu" ia-itu dua orang gadis jelita lain yang memakai Cheongsam dan gown.

Tetapi dengan keputusan pada malam itu sarong dan kebaya ada-lah jelas pakaian yang sesuai bagi wanita seluruh-nya.

Naemah berkata: "Pada fikir-an saya sarong batik dan baju kebaya itu sangat sesuai dengan bentok badan wanita, sama ada ia kurus lampai, ramping, gempal tinggi, atau rendah."

"Pakaian itu menunjokkan kechantean potongan badan sa-sa-orang.

Sungguh pun keelokan sarong batik dan kebaya itu di-sanjong tinggi oleh wanita Melayu tetapi Naemah tidak sentiasa memakai-nya.

Sa-bagai sa-orang kerani di-Pejabat Perbendaharaan Brunei ia memilih baju kurong pada masa bekerja. Ini ia-lah kerana menghormati perasaan orang tua2

yang lebih suka pada baju kurong itu.

Dari keterangan yang di-dapati daripada-nya Naemah telah ter-tarek pada kechantean sarong



Naemah binti Yusuf

batik dan baju kebaya itu samasa ia tinggal beberapa tahun di-Singapura kerana bersekolah.

"Saya di-bawa ka-sana oleh ayah dan ibu saya memasuki sekolah Melayu dan kemudian sa-buah sekolah Inggeris Kerajaan Singapura," kata Naemah.

Di-Singapura ia telah belajar

memotong kebaya dan merika fashion2 yang di-sukai-nya untuk diri-nya sendiri dan saudara2 perempuan-nya.

Sa-masa di-Singapura juga ia telah mengetahui bahawa batik wirun yang di-pakai dengan dilipat2kan di-hadapan itu lebih kemas dari batik lepas.

"Batik wirun itu memberi kemudahan yang lebih kepada kaki bergerak dari batik lepas," kata Naemah.

Dan batik wirun yang di-pakai-nya dalam peraduan itu-lah yang telah membawa kemenangan istimewa kepada Naemah pada malam tersebut.

Tetapi Naemah bukan-lah seorang gadis yang menghabiskan masa-nya untuk merika dan memotong baju2 kebaya yang chantek dalam masa kelapangan-nya.

Saperti lain2 gadis moden ia telah men-cobakan diri dalam berbagai lapangan kebajikan masyarakat semenjak ia di-bangku sekolah lagi.

Ia telah belajar jahit menjahit, masak memasak, membuat bunga kertas dan sa-bagai-nya untuk kebajikan rumah tangga.

Ia tidak juga ketinggalan berkhidmat dengan pasukan St. John Ambulance yang mengutamakan pertolongan che-mas kepada orang2 yang mendapat kechederaan sa-belum dapat di-kejarkan ka-rumah sakit untuk di-rawat.

Semenjak balek ka-Brunei, ne-

(Lihat Muka 7)

PEMANGKU PEGAWAI JABATAN LAUT

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Jabatan Laut, Brunei telah mengadakan satu majlis jamuan di-sini baharu2 ini kerana meraikan Captain E.H. Mutton, Pegawai Jabatan Laut, Brunei yang telah berchuti sa-lama kira2 7 bulan.

Majlis itu telah di-pimpin oleh Inche Johari bin Abdul Razak, kerani besar, pejabat tersebut dan di-hadiri oleh ramai orang jemputan serta anggota2 dari Jabatan2 Laut dan Custom.

Inche Chua Kwang Soon, Penguasa Jabatan Custom, Brunei yang telah di-lantek memangku jawatan Pegawai Jabatan Laut, Brunei telah di-raikan juga di-majlis tersebut.

MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM RUNDINGAN

(Dari Muka 3)

gang beberapa jawatan dalam Jabatan Pelajaran, Brunei.

Beliau telah berangkat ka-Malaya dalam tahun 1954 kerana memerhatikan chara2 perjalanan perlembagaan di-sana.

Pada tahun 1955, Pengiran Ali telah berangkat ka-United Kingdom untuk memerhatikan chara2 mengembangkan pelajaran di-England.

Beliau telah berangkat lagi ka-United Kingdom pada tahun 1959 bersama Duli Yang Maha Mulia untuk mengambil bahagian dalam perundingan Perlembagaan Negeri Brunei.

Yang Berhormat Pengiran Ali ia-lah sa-orang ahli Majlis2 Mesuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei.



Penduduk2 Tutong telah menjunjong putera2 sulung Duli Yang Maha Mulia ka-majlis teh di-dewan sekolah Melayu Muda Hashim pada 20 April kerana menyebarkan ucapan selamat belajar di-Persekutuan Tanah Melayu.

FASHION MODEN BERKEMBANG DENGAN TIDAK DI-SEDARI

BANDAR BRUNEI. — Perkembangan fashion moden dalam pakaian wanita Melayu negeri ini telah meluas dengan tidak di-sedari. Fashion2 yang di-gemari itu kebanyakan-nya beraliran barat.

Fashion2 moden itu mungkin telah di-tiru dari majallah2 fashion dan dari pakaian2 bintang2 film yang dapat di-lihat di-layar puteh.

Pakaian2 moden itu tidak begitu lekas dapat di-terima oleh orang tua. Mereka itu lebih suka pada pakaian Melayu biasa.

Kechenderongan pada pakaian moden itu tidak dapat di-halang lagi. Wanita moden mengeta-

hui apa yang baik bagi diri mereka.

Fashion moden berkehendakan serba moden untuk menggayakannya supaya sa-imbang dengan orang yang memakai-nya.

Warna sangat mustahak untuk menegaskan kechantean kulit masing2. Demikian juga kasut selendang dan alat2 pesolek semua-nya hendak-lah sa-chuchok antara satu dengan lain. (HH).

Perlawanan penting berakhir 3 gol berbalas 3

BANDAR BRUNEI. — Dua pasokan bola sepak yang handal di-sini, P.W.D. Workshops Sports Club dan Upper Airport, Berakas telah seri — 3 gol berbalas 3 dalam pertandingan merebutkan Perisai McKerron di-Padang Bandar Brunei pada petang hari Rabu yang lepas.

Keputusan itu di-dapati sa-telah permainan di-lanjutkan 10 minit.

Pertandingan itu di-adakan di-bawah anjoran Brunei State Football Association sa-chara pukulan mati dan di-saksikan oleh kira2 3,000 orang penunton.

Pasokan2 tersebut akan berte-mu sa-kali lagi pada satu tarikh yang akan di-tetapkan oleh pihak yang berkenaan.

Dari sa'at pertandingan itu di-mulakan pemain2 telah bermain dengan chergas. Sa-telah ber-mai sa-lama lima minit, sayap kanan Workshops, Edmund Keasberry telah memberi kemenangan gol yang pertama kepada pasokan-nya.

Dalam satu serbuan yang hebat di-hadapan pintu gol Workshops, empat minit kemudian, forward Upper Airport, Pengiran Ahmad telah menendangkan bola masuk ka-dalam pintu gol Workshops dari hantaran daripada centre forward Saidin Taram.

Sa-telah itu bola di-tendang

berberulang alek di-antara kubu2 pertahanan pasokan2 tersebut tetapi Saidin Taram telah memberi kemenangan gol yang kedua kepada Upper Airport dalam satu serbuan.

Pada masa rehat, Upper Airport telah mendapat dua gol dan Workshops Sports Club satu gol.

Apabila pertandingan di-sambong sa-mula, Workshops telah

berhasil mendapat gol-nya yang kedua menerusi Abdullah Jaafar centre forward-nya.

Oleh kerana pertandingan itu di-adakan sa-chara pukul mati ("knock out"), maka pengadil telah menyambungkan perlawanan pada petang itu juga.

Sa-telah pertandingan di-lan-jutkan Upper Airport telah mendapat kemenangan pada sa'at yang pertama menerusi forward-nya Awangku Sharifuddin.

Sa-lepas itu Workshops pula mendapat gol-nya yang ketiga menerusi forward-nya Awangku Mahari.

Dengan ini, kedua2 pasokan telah beroleh seri.

Inche M.K. Nathan telah mengadilkan pertandingan tersebut.

GERAKAN MENJUAL PETA UNTUK KESELAMATAN JALAN RAYA

KUALA BELAIT. — Pengakap2 dari daerah Belait-Seria akan melancarkan gerakan membuat kebajikan dalam minggu ini sa-bagai sumbangan kepada Majlis Keselamatan Jalan Rapa Belait.

Pengakap2 itu akan menjual peta2 yang bersinar pada malam hari untuk di-lekatkan pada pen-yagoh2 basikal.

Sa-bagai menggalakkan pergu-naan peta itu oleh pengunggang2 basikal pengakap2 itu akan men-cheritakan kejayaan yang telah

di-chapai di-Labuan dan Kuch-ing dalam gerakan menggunakan peta tersebut.

Oleh sebab peta itu bersinar pada malam hari keselamatan penunggang basikal ada-lah ter-jamin dari di-langgar oleh kereta.

Jualan peta itu berhubung dengan gerakan "jadi-lah pemandu yang lebeh baik" yang telah ber-jalan di-daerah ini semenjak enam minggu dahulu.

Pegawai2 polis maseh lagi me-lawat ka-sekolah2 untuk mene-rangkan tujuan gerakan tersebut.

Gambar2 akan di-lukiskan dan kanak2 sekolah sendiri akan menghakimkan pertandingan tersebut.

Sa-puloh lukisan yang baik akan di-pamerkan kelak.

FORELANDERS KALAHKAN POLIS BELAIT 4 GOL BERBALAS 2 DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Forelanders dari Bandar Brunei telah mengalahkan Police Club, Kuala Belait dengan 4 gol berbalas 2 dalam pusingan pertama bola sepak Perisai McKerron.

Pertandingan itu yang di-jal-lankan sa-chara pukulan mati telah di-langsungkan di-Padang Bandar Brunei pada petang 22 April yang lalu.

Krijgsman, Vowles, Mauffit dan Chin Yin Yee telah men-jaringkan satu gol sa-orang bagi pihak Forelanders, manakala kedua2 gol bagi pihak Police Club, di-jaringkan oleh A. Tajuddin.

Hanya 10 orang pemain2 sa-haja telah bermain dengan pasokan Forelanders dalam masa tu-joh minit sa-belum tamat per-tandingan tersebut.

Dalam masa pertengahan yang pertama, Forelanders telah mem-perolehi tiga gol, manakala Police Club, Kuala Belait satu gol. Forelanders telah mendapat satu gol lagi dalam masa pte-

Keputusan2 perlawanan perisai McKerron

BANDAR BRUNEI. — Pasokan dari Daerah2 Brunei, Belait dan Seria telah mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak bagi merebutkan perisai McKerron di-Bandar Brunei dan Seria dalam minggu lepas.

Keputusan pertandingan ada-lah saperti berikut :

P.W.D. Workshops Sports Club, Bandar Brunei mengalahkan Dayak Club. Seria, 5 gol berbalas 1.

Forelanders dari Bandar Brunei mengalahkan Police Club, Kuala Belait 4 gol berbalas 2.

Upper Airport, Berakas seri dengan P.W.D. Workshops Sports Club, Bandar Brunei 3 gol berbalas 3.

P.W.D. Kuala Belait mengalahkan Anthony Abell College, Seria : 6 gol berbalas 1.

BOLA SEPAK 3 KAWASAN

BANDAR BRUNEI. — Per-tandingan bola sepak antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara harus akan di-adakan pada masa hadapan.

Chadangan tersebut, terbit-nya dari Persatuan Bola Sepak Sarawak, telah di-hantarkan kepada Yang di-Pertua, Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei untuk per-timbangan.

Ahli pasokan pandu puteri

(Dari Muka 6)

gara kandongan-nya untuk ber-khidmat dengan kerajaan dalam tahun 1958 ia-telah mengambil bahagian dalam lapangan kebaji-kan masyarakat negeri ini.

Sa-lepas bekerja di-pejabat ia pergi ka-sekolah untuk meninggikan pelajaran-nya untuk menda-pat Sijil Pelajaran Umum, ia-itu General Certificate of Education.

Pada masa kelapangan, Naemah berkhidmat sa-bagai sa-

orang ketua dalam Pasokan Pan-du Puteri, Bandar Brunei.

Ia biasa mengambil bahagian bersama2 ahli2 pasokan tersebut pada masa di-langsungkan isti-adat2 berbaris di-Bandar Brunei.

Sa-bagai sa-orang wanita yang suka membuat kerja kebajikan, Naemah telah mengambil baha-gian yang chergas pada masa di-langsungkan sambutan2 yang besar di-Bandar Brunei.

Ia telah menjadi sa-orang ahli jawatan kuasa malam aneka warna pada masa sambutan ke-brangkatn Al-merhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, Persekutuan Tanah Melayu ka-Bandar Brunei dalam bulan July yang lalu.

Sa-lain dari itu, Naemah juga menjadi sa-orang ahli jawatan kuasa malam aneka warna kerana menyambut hari ulang-tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia. — (MZA).

Kejayaan Panaga

SERIA. — Panaga Club telah mengalahkan Sekolah Pertukangan Seria dengan tiga gol berbalas satu dalam pertandingan hockey di-Padang Panaga pada minggu lepas.

Brown, Stafford dan Robinson menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pihak Panaga Club.

Gol yang tunggal bagi pihak Sekolah Pertukangan di-jaring-kan oleh Radie.

Luluskan 3 undang2

(Dari Muka 4)

surohan jaya yang bebas bagi menyasat keadaan persekolahan penuntut2 Brunei di-Woodchester Park School di-England" dikemukakan oleh Inche Hashim.

♦ Majlis meshuarat mengu-chapkan terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia atas ucapan titah baginda membuka persidangan majlis," di-ke-mukakan oleh Seita Usaha Kerajaan Inche Wan Ahmad bin Umar.

Rang undang2 yang telah di-luluskan itu mengenai

1. Undang2 Majlis Meshuarat Ugama, Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah2 Kadhi (Pin-daan), 1960.

2. Undang2 Peratoran Jena-yah (Pindaan) 1960 dan

3. Undang2 Perbekalan Tam-bahan (1960), 1960. A.T.).

Kelab Melayu kalahkan Polis

SERIA. — Dalam satu perla-wanan hockey, di-Padang Shell Recreation Club pada minggu lepas, Klab Melayu Shell telah mengalahkan Police Club, Belait dengan lima gol berbalas satu.

O.A. Rahman dan Ibrahim Ghani telah menjaringkan dua gol sa-saorang dan Awangku Besar satu gol bagi pihak Klab Melayu Shell.

Hussain telah menjaringkan satu gol bagi pihak Police Club, Belait.

India beri sambutan dingin kepada China

New Delhi. — Perdana Menteri China Komunis, Tuan Chou En-Lai telah di-sambut dengan sa-chara dingin, apabila beliau sampai dengan kapal terbang di-sini pada minggu lepas, kerana berunding dengan Perdana Menteri India, Tuan Nehru atas perselisihan sempadan antara China dengan India.

Satu kawalan keselamatan telah di-adakan pada hari menyambut beliau datang tetapi suasana pada hari itu ada-lah tegang.

Chuma orang2 jemputan yang terpilih sahaja datang ka-lapangan terbang dan beberapa ribu orang telah membarisi sa-panjang2 jalan yang di-lalui-nya.

Mereka di-dapati senyap dan tidak menunjukkan perasaan tatkala Tuan Nehru lalu bersama2 dengan Tuan Chou di-dalam sebuah kereta yang bertutup ka-tempat kediaman Presiden India, di-mana Perdana Menteri China Komunis itu akan tinggal.

Tatkala Tuan Chou turun dari kapal terbang Tuan Nehru nampak-nya tidak sedar akan tangan yang di-hulurkan oleh Perdana Menteri China itu dan mereka chuma bersalaman sa-lepas peng-

gambar2 meminta mereka berbuat demikian.

Di-dalam ucapan-nya di-lapangan terbang, Tuan Nehru telah menarik perhatian kepada perhubungan yang tegang berikutan dengan beberapa kejadian2, yang telah memeranjatkan ra'ayat India dan "membahayakan perhubungan di-masa sekarang dan juga bagi masa hadapan".

Sa-masa Tuan Nehru berucap, Tuan Chou yang berdiri di-belakang-nya kelihatan muram dan gelisah.

Tuan Chou yang berucap di-dalam bahasa China telah berka-

ta bahwa beliau datang dengan tujuan ikhlas untuk menyelesaikan segala kesulitan dan menegaskan betapa mustahak-nya keamanan dan persahabatan diadakan di-antara India dan China.

Indonesia larang kapal2 Belanda

JAKARTA. — Kerajaan Indonesia telah mengumumkan bahwa semua kapal Belanda akan di-larang dari memasoki kawasan perairan Indonesia mulai 6 June.

Larangan ini telah di-persetujui sa-lepas Lembaga Perkapalan Indonesia yang baharu di-tubuhkan mengadakan satu mesuarat yang kemudian-nya menyatakan bahwa "kejadian yang berlaku ini ia-lah muncul dari gerakan Indonesia hendak membebaskan Irian Barat dari chengkaman penjajahan Belanda".

Di-Hague, sa-orang juruchakap Kementerian Luar Belanda berkata bahwa sa-kira-nya berita itu benar, maka pada fikiran kami pemuluan itu ada-lah membuktikan satu pelanggaran kepada kebebasan perkapalan.

Juruchakap itu berkata bahwa kerajaan Belanda mempunyai hak atas semua perkara yang tersebut.

TENGGU KUTOK SIKAP AFRIKA SELATAN

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman telah berkata di-sini bahwa Afrika Selatan tiada berhak untuk tinggal di-dalam lingkungan commonwealth.

Beliau berkata bahwa walau apa pun terjadi, beliau akan tetap membawa soal Afrika Selatan ka-persidangan Perdana2 Menteri Commonwealth di-London dalam bulan ini.

Tatkala membawa satu chadangan di-dalam parlemen yang mengutok kejadian2 yang berlaku baharu2 ini di-Afrika Selatan, Tengku berkata :

"Jika Afrika Selatan memileh untuk keluar dari commonwealth di-sebabkan tindakan saya, maka saya akan meguchapkan "seiamat jalan".

Chadangan beliau berbunyi bahwa kerajaan dan raayat Persekutuan Tanah Melayu ada-lah sangat menyesali atas penembakan dan kekerasan yang di-gunakan terhadap orang2 Afrika oleh polis Afrika Selatan dalam melaksanakan dasar perbezaan kulit.

PERSEKUTUAN AKAN BAWA SOAL WARNA KULIT KA-PERSIDANGAN COMMONWEALTH

KUALA LUMPUR. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, telah memberi tahu parlemen di-sini dalam bulan lalu bahwa kerajaan berchadang hendak menamatkan dharurat melawan komunis yang telah memakan masa sa-lama 11 tahun itu pada 31 July tahun ini

Baginda juga telah mengumumkan bahwa Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman akan membawa ka-persidangan Perdana2 Menteri Commonwealth di-London, soal rusohan yang baharu2 ini berlaku di-Afrika Selatan di-mana ramai orang2 Afrika telah terbunuh.

Baginda bertitah bahwa kerajaan sangat2 menghargai perhubungan commonwealth, tetapi "ikatan persahabatan commonwealth tidak boleh menutup mata kita kepada kejadian2 yang dahshat berhubung dengan dasar membeza2kan warna kulit yang sedang di-amalkan oleh kerajaan Afrika Selatan yang berlawanan dengan semangat peri kemanusiaan yang sa-benar2-nya.

Baginda telah menyampaikan ucapan titah-nya yang pertama kali sa-bagai Yang Di-Pertuan Agong pada hari pembukaan parlemen Malaya, semenjak baginda di-lantek oleh Raja2 Melayu yang lain dalam bulan lepas.

Baginda juga telah menyatakan bahwa Malaya terhutang budi kepada pasokan2 keselamatan — sama ada pasokan2 Malaya atau pun Commonwealth "atas perkhidmatan dan keberanian mereka di-sapanjang tahun2 tersebut".

Kemenangan itu bukan-lah di-dapati dengan senang, tetapi dengan harga yang mahal yang telah di-bayar dengan nyawa dan

wang.

Ada-lah sudah menjadi keperchayaan kerajaan bahwa keamanan yang sa-benar2-nya tidak akan terujud dalam negeri ini, hingga keganasan komunis terhapus.

3,000 JADI MANGSA GEMPA BUMI DI-IRAN

THEREAN. — Satu gerak gempa telah menggoyangkan runtutan bandar Lar pada minggu lepas, tetapi tiada berlaku apa2 kemalangan dalam bandar yang sudah kosong itu.

Ini ia-lah gerak bumi yang ketiga sa-lama sa-minggu.

Ada-lah di-beritakan di-Shiraz,

bahawa lima orang seldadu Iran telah terbunuh apabila bangunan2 yang rosak runtoh tatkala



Rupa bangunan mesjid Taiping yang telah di-bena oleh kaum Islam China. Istiadat pembukaan mesjid itu telah di-hadhiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Mohamed dan Inche Ishak bin Adam, sa-bagai wakil2 Duli Yang Maha Mulia.

mereka menchari mangsa2 kema-langan.

Dalam pada itu, bantuan2 dari negara2 asing telah mulai men-churah2 datang masok ka-Parsi untuk mangsa gempa di-Lar.

Britain telah memberi sa-banyak £10,000 (\$85,000).

Dua buah kapal terbang Pakistan telah membawa bantuan2 geba dan perubatan dan beberapa banyak lagi di-jangka akan tiba.

Pasokan Palang Merah telah merayu kepada raayat negeri untuk mendapatkan bantuan bagi 12,000 orang yang tidak berumah tangga.

Berita2 kemalangan ada-lah berbeza2 sa-kali. Pasokan palang merah Parsi memberitakan di-Teheran bahwa sa-takat ini 400 mayat telah di-jumpai.

Berita2 akhbar dari tempat berlaku-nya gempa itu menganggarkan di-antara 1,500 hingga 3,000 orang telah mati. Radio Teheran menyatakan bahwa 600 orang telah chedera.